

Artikel

Mitos Angkapio Medium Interaksi Antara Alam dan Manusia Menurut Kepercayaan Murut Paluan
(*Behaviour and Sound of Angkapio Myth as a Medium of Interaction for Nature and Human in Murut Paluan Belief*)

Jacquelina Karimon¹ & Steven Alezender^{2*}

¹Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

²Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: jacquelina@usm.my

Abstrak: Interaksi antara alam dan manusia adalah unik dan rumit. Kelakuan dan bunyi merupakan dua isyarat yang kompleks yang dapat ditafsir oleh kearifan sesebuah masyarakat. Dalam masyarakat Murut Paluan khususnya, mitos angkapio memaparkan kepercayaan terhadap hubungan manusia dengan alam. Makalah ini membincangkan mengenai persekitaran alam yang berinteraksi dengan manusia dan menerangkan tentang kejadian yang telah berlaku dan bakal berlaku. Maklumat mengenai peristiwa sedih dan gembira yang bakal dihadapi hanya difahami oleh kelompok yang ahli dalam mentafsirnya. Perkhabaran mengenai maklumat yang disampaikan secara visual dan bunyi membuatkan masyarakat Murut Paluan lebih bersedia menghadapi peristiwa buruk yang akan menimpa mereka. Interaksi alam kepada manusia berperanan penting dalam mengimbangi perlakuan mereka agar tidak melanggar hukum alam. Oleh itu, manusia akan lebih berhati-hati agar dapat menerima interaksi yang membawa petanda yang baik selaras dengan kemahuan manusia itu sendiri. Kajian ini dijalankan secara lapangan dengan sokongan kajian ilmiah. Makalah ini akan mengetengahkan konsep interaksi masyarakat Murut Paluan yang menjalinkan hubungan akrab dengan alam sekeliling mereka. Kehidupan mereka yang fleksibel dengan alam telah menunjukkan satu sistem interaksi yang dipercayai menghindarkan mereka daripada malapetaka. Tinjauan ini seterusnya akan memaparkan jiwa “kemurutan” yang peka terhadap sekeliling mereka.

Kata kunci: Murut Paluan, interaksi, alam, mitos angkapio, kepercayaan.

Abstract: Interaction between nature and humans is unique and complex. Behaviour and sound are two complex signals that can be interpreted by the wisdom of society. Therefore, angkapio myth displays the belief in the human relationship with nature. This paper discusses the nature features that communicate with a human that explains the past and future event. The information about the event of sadness or happiness that will be faced is only understood by a group who are experts in explaining it. The news informed visually and sound will also make people more prepared to face situations beyond their control. The communication of nature to humans plays an important role in balancing their behaviour so that not to violate the laws of nature. Thus, the human is more careful so that they able to receive good news in accordance with the will of the people. This research was conducted in the field with the support of the scientific study. This research will provide a clear understanding of the concept of communication of Murut Paluan that has a close relationship with nature around them will be discussed. Their life that is flexible with nature has shown a communication system that is believed to protect them from disaster. This research will also display the soul of Murut people who is alert to their surroundings.

Keywords: Murut Paluan, communication, nature, angkapio myth, belief

Pengenalan

Alam dan manusia dua ciptaan yang berbeza. Darjat penciptaan di antara tumbuhan, binatang dan manusia diukur tidak setaraf. Hal ini kerana manusia merupakan ciptaan mulia dan istimewa berbanding dengan makhluk lain di bumi. Walaupun flora dan fauna makhluk yang berbeza daripada manusia namun flora dan fauna dianggap mampu berinteraksi kepada manusia. Namun begitu, jika membicarakan interaksi alam dan manusia dalam konteks masa kini ia akan menjadi sesuatu yang tidak dapat diterima oleh logik akal. Pendekatan yang selalunya digunakan untuk melihat interaksi manusia dengan alam adalah melalui karya. Misalnya, karya penulisan Shanon Ahmad yang diteliti oleh Fazida (2007) telah mengkaji unsur alam sekitar yang memerikan flora dan fauna yang mempunyai ikatan yang penting dengan manusia. Mawar & Tuan Rusmawati (2020, hlm. 162) menyatakan bahawa karya yang dihasilkan pengarang merupakan cerminan diri pengarang kerana unsur luaran yang tidak boleh dipisahkan. Perbincangan ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Muhammad Ahmad Fadzil dan Julianah (2021) yang memberi contoh pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus mendedahkan bahawa penggunaan kombinasi gunung dan intan yang berunsurkan rasa gembira sebagai luahan perasaan manusia. Sehubungan itu, manusia sering mengambil unsur alam sekitar sebagai perlambangan terhadap kehidupan mereka.

Sebaliknya, kepercayaan masa lalu mengenai interaksi alam dan manusia memang telah berlaku dan tidak dapat disangkal lagi. Sehingga ke hari ini rangkaian interaksi antara alam dan manusia tersebut masih lagi berlaku. Sistem interaksi ini menunjukkan bahawa sistem interaksi antara manusia dan alam meliputi perkaitan dengan *supernatural*, akhlak dan sebagainya. Panduan interaksi yang berteraskan alam ini hadir lantaran latar belakang masyarakat yang akrab dengan alam. Laras interaksi alam kepada manusia adalah misteri dan hanya difahami oleh masyarakat yang memiliki kejiwaan yang benar-benar dekat dengan hutan. Sehubungan itu, kod rahsia alam kepada manusia boleh diketahui bukan dengan bahasa manusia tetapi dengan lisan bunyi dan pengelihatan visual terhadap tingkah laku binatang atau tumbuhan. Tabiat hutan dan penghuninya ini dikenali sebagai *angkapi* dalam masyarakat Murut Paluan.

Jika ditelusuri, pada awal kedatangan penjajah, pendokumentasian kajian mengenai latar masyarakat etnik Sabah yang rencam telah dirintis oleh Evans pada awal 1920-an. Owen Rutter (1922) menyatakan bahawa kepercayaan masyarakat Sabah pada ketika itu adalah Pagan yang dipengaruhi oleh kepercayaan *animisme*. Tylor (1823, hlm. 377) menafsirkan bahawa kepercayaan ini didasari oleh kepercayaan terhadap kekuatan magis batu, pohon dan benda-benda disekeliling mereka. Justeru itu, tidak hairanlah jika interaksi antara alam dan manusia telah membolehkan manusia memahami, menjelaskan fenomena alam dan menyampaikan petanda. Hubungan manusia dan alam ini terjadi kerana kebergantungan manusia dengan alam flora dan fauna seperti yang dijelaskan oleh Anwar Ridwan (2021, hlm. 18) yang menyatakan bahawa manusia bergantung kepada alam untuk terus hidup.

Dunia mitos dan *animisme* adalah sangat rapat dengan kehidupan primitif. Keakraban mitos dan animism dengan kehidupan primitive di dorong oleh lingkungan masyarakat yang masih tidak mengenal sistem tulisan pada ketika itu. Justeru itu, kepercayaan warisan lama diungkapkan dalam mitos untuk digunakan sebagai cerita hafalan bagi mengukuhkan kepercayaan mereka. Bronislaw Malinowski (1971, hlm. 71) yang menekuni teori fungsi mitos mengatakan bahawa mitos merupakan satu pegangan yang mengangkat, mengungkapkan dan memberi satu kesimpulan tentang pegangan kepercayaan. Kepercayaan yang ditekuni tersebut akan menjadi landasan untuk menjadi perisai kepada nilai dan etos masyarakat yang mengamalkannya. Selain itu, kepercayaan tersebut juga akan menjadi wadah untuk mewujudkan kelompok masyarakat yang berpaut kuat kepada norma yang penuh moraliti. Peraturan atau piagam dibentuk untuk mengawal kehidupan komuniti masyarakat silam.

Perkara ini menunjukkan pemikiran masa silam mampu membentuk satu jaringan interaksi yang unik melalui folklor (*folklore*). Jika diselidiki terdapat banyak definisi tentang folklor berdasarkan sudut pandang individu yang menekuni bidang ini. Salah satu definisi folklor ialah '*folklore is artistic communication in small groups*' (Ben-Amos 1971, hlm. 131). Berhubung dengan definisi ini secara umumnya folklor itu adalah budaya informal yang memberi tumpuan kepada kehidupan seharian (*regular basis*); ekspresi budaya (*expressive culture*) yang merupakan bentuk ekspresi pelbagai seperti kepercayaan, legenda, mitos, nyanyian dan sebagainya (termasuk perlakuan dan objek); dan ekspresi ini berlegar dalam kumpulan kecil (*a small*

group). Sehubungan itu, terdapat juga istilah yang pelbagai yang digunakan dalam menekuni bidang ini umpamanya tradisi lisan, tradisi rakyat, budaya rakyat, dan sebagainya. Melalui kenyataan sedemikian juga tergambar keupayaan masyarakat tersebut dalam menyampaikan isi hati, nilai dan peraturan mereka sebagai interaksi yang melindungi komuniti kecil mereka.

Dalam konteks masyarakat Murut Paluan, interaksi folklor tidak terkecuali memberikan cerminan jati diri mereka. Keistimewaan mereka lazimnya dirangkumkan mengenai kearifan mengenai alam sekeliling. Mereka mempunyai acuannya yang tersendiri dalam memaknai dan menilai alam dan diwarisi daripada pengetahuan cerita mitos. Pengetahuan ini menjadi interaksi yang dipercayai yang sangat berkaitan dengan jiwa, emosi dan spiritual mereka. Mitos *angkapiro* ini sebagai wadah *omens* (petanda) yang membantu seseorang peka terhadap alam, berhati-hati, menjadi rujukan dan menukar tujuan atau hasratnya untuk melakukan sesuatu seperti berburu, membuka kawasan atau hal-hal yang berkaitan dengan adat dan upacara.

Walaupun kepercayaan ini telah jauh bezanya daripada tingkat pemikiran masyarakat pemiliknya pada masa kini namun mereka masih mempercayainya. Kepercayaan terhadap mitos *angkapiro* masih menjadi sandaran walaupun peralihan zaman telah berlaku. Hal ini disebabkan jika dilihat secara halus jati diri “kemurutan” yang terdapat dalam diri etnik Murut Paluan itu sendiri menitikberatkan tentang adat dan tradisi yang tidak boleh dipandang ringan. Elemen kesetiaan terhadap etnik ini juga sangat bergantung kepada kedudukan geografi yang jauh daripada kawasan pembangunan. Mereka terlalu hampir dengan hutan dan hidup di tanah tinggi di pedalaman Sabah. JJ. Kusni (2001, hlm. 100-101), menjelaskan erti menjadi anak Dayak ialah walaupun telah berpegang dengan agama Islam atau Kristian tetapi nilai-nilai Dayak masih meresap dan diamalkan. Jika seseorang itu tidak dapat meresapi dan tiada pengaruh dalam keperibadiannya maka seseorang itu tidak layak dianggap Dayak sekalipun darah Dayak mengalir di tubuhnya. Tidak hairanlah jika masyarakat Murut yang berindukkan Dayak sangat menjaga kisah silam jati diri mereka daripada hilang. Jati diri ini memekat sangat kuat dalam rangkaian sub suku Dayak.

Jadual 1. Jumlah penduduk mengikut agama di Daerah Nabawan.

Agama	Jumlah
Islam	18,473
Kristian	82,105
Buddha	196
Hindu	2
Konfusianisme, Tao	1
Dan puak/suku/folk/agama Tradisi lain orang cina	
Lain-lain agama	15

Sumber: Jabatan Perangkaan Sabah 2010

Secara kasarnya agama utama yang menjadi anutan penduduk Nabawan ialah Kristian sebanyak 82,105, Islam 18, 473, Buddha 196, Hindu 2 dan Tao pula satu dan agamai lain seramai 15 orang. Berdasarkan stastistik ini dapat diketahui bahawa bukan suatu yang asing lagi kepada daerah Nabawan untuk menerima fahaman agama baru. Walaupun kehadiran agama ini semakin menguasai cara pandang mereka namun mereka masih lagi kukuh mengamalkan adat dan tradisi mereka. Faktor Geografi yang terletak di pedalaman Sabah merupakan salah satu faktor fizikal yang melambatkan proses hakisan nilai lama. Kawasan-kawasan petempatan kumpulan ini didiami oleh masyarakat Murut dan merupakan kawasan yang berbukit-bukau, bergunung-ganang, berhutan rimba serta jauh dari pantai. Keadaan persekitaran seperti ini telah mempengaruhi sistem kepercayaan masyarakat sekelilingnya (Roth, 1968). Mereka menganuti kepercayaan animisme (Harrison, 1967).

Sorotan Literatur

Peningkatan minat untuk meneliti folklor Borneo mula mendapat tempat dalam kalangan sarjana tempatan apabila tulisan mengenainya terdapat dalam bentuk esei, jurnal, majalah dan buku yang diterbitkan. Senario

positif ini ada hubungannya dengan institusi seperti peranan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium dan kelahiran Universiti Malaysia Sabah. Secara umumnya penghasilan penyelidikan folklor hanya sedikit kajian yang telah dilakukan dan ini belum cukup memberi input untuk penyelidikan folklor “kemurutan” selanjutnya.

Jika ditelusuri kajian terhadap aspek-aspek yang berkait rapat dengan *world-view* dan kepercayaan masyarakat di Sabah telah banyak menarik pengkaji Barat. Kajian ini memberikan interaksi dalam menyampaikan keterangan, penjelasan dan penilaian kepada para pengkaji Barat untuk memahami dan menguasai masyarakat tempatan. Evans (1920-an) paling awal dan banyak mendokumentasi tradisi lisan di Sabah. Diikuti oleh pengkaji seperti Woolley (1928), King dan King (1990), Hurlbut (1992 & 1986) dan Owen Rutter (1985). Beliau juga menulis mitos yang bertajuk *The Dragon of Kinabalu and other Boneo Stories*. Seorang lagi pengumpul cerita tempatan Sabah ialah Margeret M. Brooks (1961), Beliau telah memuatkan 10 buah cerita dalam 1 buku. Williams (1965) yang mengkaji mengenai kisah penceritaan Legenda Kinabalu yang menyentuh kisah asal-usul masyarakat Dusun. Kajian Williams (1969) diteruskan dengan membuat pendedahan menarik mengenai ciri-ciri tradisional dan kebudayaan masyarakat Dusun. Salah seorang pengkaji Barat yang mengakui bahawa tradisi lisan di Sabah masih hidup dalam masyarakatnya ialah Whelan (1970) beliau membuat kajian mengenai aspek sejarah, cara hidup dan kepercayaan masyarakat kadazandusun. Barbara Harrison dengan kerjasama Micheal Chong (1965) kumpulan cerita Gua Kinabatangan. Selepas perang Jepun, kerajaan kolonialis terus serius melakukan dokumentasi yang diusahakan oleh Tom Harrison bersama Barbara Harrison (1970).

Terdapat pendokumentasian yang dilakukan oleh Leon Comber (1975). Brewis (1985) telah menerbitkan analogi cerita mitos dan legenda Sabah. Koleksi ini mengandungi empat buah cerita etnik Murut Timugon yang bertajuk *Tales and Traditions from Sabah*. Penghasilan kepada cerita ini dikatakan memakan masa yang agak lama kerana mempunyai usaha untuk menterjemahkan cerita kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sebuah lagi buku yang mengandungi sebanyak 9 cerita rakyat yang telah dikumpul oleh Mohd. Nor Long (1976). Selain itu seorang lagi pengkaji bernama Marsh (1988) dalam antologi yang sama telah memuatkan tiga puluh satu buah cerita mitos legenda dan rakyat yang dikutip daripada masyarakat Kadazandusun dan Murut di daerah Tambunan, Keningau, Tenom dan Pensiangan.

James Ongkili (1960-1970) seorang anak jati tempatan memecahkan tradisi pengkaji Barat dan turut terlibat menyelamatkan tradisi lisan di Sabah. Selepas itu tidak dapat dinafikan terdapat usaha-usaha ringan untuk mengetengahkan cerita-cerita Sabah namun nama mereka hanya sementara dan tidak kekal. Seorang pengkaji awal tempatan telah tampil iaitu Arena Wati (1978) telah menulis sebuah buku hasil penyelidikan beliau yang bertajuk *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Beliau merupakan pengkaji yang sangat teliti dengan mengambil semua sumber tulisan melalui cerita mitos dan legenda yang didengarnya menjadi intipati tajuk buku beliau. Sehubungan itu, buku beliau merupakan perintis penting dalam membuka laluan pengkaji baru untuk memulakan kajian berdasarkan kepercayaan masyarakat peribumi di Sabah.

Selain itu Rita Lasimbang (1990) telah memasukkan dua cerita rakyat daripada suku Kadazan yang terletak di Penampang. Pada tahun yang sama Abdul Halim Bandan (1990) dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Sebanyak 15 buah koleksi cerita untuk mengungkapkan dan mengenali jenis pola-pola sosiologi yang terdapat dalam unsur sosial termasuk aspek kepercayaan, pekerjaan, penggunaan masa, tingkah laku, keselamatan awam, pemikiran, moral dan keluarga, cita-cita, persekitaraan, agama dan sebagainya dalam masyarakat Bajau di Sabah. Pada tahun 1991 terdapat lima buah cerita suku Murut Tagal dikutip oleh Nygren (1991) dan Chong (1991) juga telah mengutip sepuluh buah cerita rakyat Sabah. Semua analogi sastera rakyat yang dikutip oleh pihak Barat diterjemahkan dalam bahasa inggeris. Dua belas buah cerita pula berjaya dikutip oleh Moody (1993) daripada etnik Idahan di Sabah. Menghampiri tahun 2000, sekali lagi Rita Lasimbang (1999) telah membuat satu lagi usaha pengumpulan dan pendokumentasian cerita-cerita tempatan di Sabah. Hasil cerita-cerita yang dikumpulkan beliau banyak berkait rapat dengan Mitos dan Legenda masyarakat Kadazandusun. Justeru seorang penulis iaitu Gidah (2001), telah menulis satu-satunya kajian ilmiah yang bersifat merentasi sempadan geografi dalam bidang sastera rakyat yang berdasarkan kepada mitos orang kadazandusun di Sabah.

Pengkajian terhadap cerita mitos dan legenda masih secara ilmiah terus dihasilkan oleh seorang penulis Low Kok On. Kajian ini telah melengkapkan kajian terdahulu oleh Barat dan menambah kekurangan kajian secara ilmiah kajian cerita mitos di Sabah. Low Kok On (2005) menambah usaha penyelidikannya melalui sebuah buku yang diterbitkan pada tahun 2005 bertajuk *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Beliau sekali lagi menggunakan persepsi dan sumber yang dikutipnya sendiri berdasarkan kajian lapangan. Kajian ini berani dan unik kerana dikaji dengan sangat teliti dengan latar penulis yang bukan daripada komuniti tempatan namun mampu mengimbangi metod penyelidikan kaca mata sebagai orang dalam dan luar. Secara umumnya cerita mitos menjadi cerita penting dalam menyampaikan isi nilai dan etos sesebuah masyarakat. Interaksi ini memberikan gambaran yang lebih jelas akan sesuatu perkara atau kejadian. Apabila sesuatu maklumat dapat disampaikan maka maklumat tersebut akan membantu menerangkan akan latar sesebuah masyarakat. Oleh itu, kajian yang akan dilakukan dan diteliti ini adalah tertumpu kepada masyarakat Murut Paluan dan membincangkan pengaruh mitos dalam kehidupan mereka terutama sekali dalam mitos *angkapiro*.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kajian lapangan dan terlebih dahulu melakukan kajian ilmiah kepustakaan. Kajian folklor ini merupakan penelitian dengan cara memerhati, menemubual dan melakukan catatan lapangan berdasarkan temu bual. Peralataan digital diaplikasikan untuk memudahkan penyelidikan supaya maklumat yang dikumpul diambil secara sempurna yang mungkin. Pengkaji sebagai instrument yang peka terhadap setiap reaksi informan dalam semua aspek keadaan untuk mengutip semua data. Pendekatan etnografi kajian etnografi (*ethnographic studies*) pengkaji mencuba memahami dan meneliti nilai budaya, cara hidup dan pegangan yang terkandung dalam folklor yang dituturkan.

Hasil Kajian

Murut Paluan masyarakat autentik yang terdapat di Sabah. Nilai dan kepercayaan alam tersimpan rapi seiring dengan zaman yang terus berubah. Masyarakat Murut Paluan mempunyai hubungan yang akrab dengan hutan. Hubungan ini telah memberikan dampak yang sangat ketara dalam aspek kepercayaan mereka. Mitos *angkapiro* merupakan petanda yang berbentuk interaksi yang berkaitan dengan *alaat* (jahat) dan *onsoi* (baik). Perbincangan makalah ini memfokuskan kepada mitos *angkapiro* yang menampilkan suatu interaksi yang wujud dan menjadi kepercayaan kepada masyarakat Murut Paluan. Menurut masyarakat Murut Paluan mereka beranggapan bahawa *angkapiro* merupakan interaksi yang dihantar oleh binatang untuk memberitahu akan perkara-perkara yang tidak dapat dilihat atau diketahui oleh manusia. Perkara-perkara yang bakal berlaku akan diisyaratkan melalui *angkapiro*.

Cara interaksi ini berlaku dengan petanda didatangi oleh binatang-binatang yang dianggap *atulai* "mulia" atau binatang-binatang yang lazimnya dianggap mampu berinteraksi dengan manusia. Selain itu, mereka juga percaya bahawa tumbuhan juga mempunyai peranan yang sama iaitu boleh mendatangkan petanda kepada manusia. *Angkapiro* dalam kata dasar bahasa Murut Paluan "*kapiro*" yang membawa maksud benar atau betul. Perkara ini, perlu ditanggapi benar dan dimaklumi dengan tindakan seperti menghindarinya atau meneruskan hasrat jika ianya berlaku dalam perjalanan dan pekerjaan mereka. *Angkapiro* yang membawa mesej benar tersebut diyakini dan mereka akan mentafsirnya dengan berhati-hati melalui kepekaan deria mendengar iaitu telinga dan deria melihat iaitu menggunakan mata. Kedua-dua kombinasi deria ini akan mentafsirkan makna interaksi yang diisyaratkan oleh binatang atau tumbuhan. Takrifan interaksi ini adalah sesuai dengan kenyataan tersebut iaitu berlaku dengan pelbagai medium misalnya lisan atau visual, secara sengaja atau tanpa sengaja (Muhd Morizam & Shaiful Bahri, 2015, hlm. 185). Kegiatan antropologi yang aktif di Sabah sekitar tahun 1920-an tidak terlepas daripada mengutip kepercayaan *angkapiro* yang diberi nama kajian sebagai "*omens*" (petanda). Kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa kepercayaan yang sama juga dimiliki oleh etnik lain seperti masyarakat Kadazandusun. Tom Harrison (1967, hlm. 121) merupakan salah satu pengkaji Barat telah tertarik mengutip kepercayaan *omens* iaitu interaksi di antara manusia dan alam yang dilihat merupakan suatu penemuan yang menarik. Selama sedekad lalu selepas kajian beliau, kepercayaan ini terus terpancar dalam kalangan etnik Masyarakat Murut Paluan.

Sehubungan itu, Murut Paluan percaya jika masuk ke dalam kawasan hutan yang terdapat banyak flora dan fauna, tumpuan mereka adalah untuk mengamati interaksi daripada binatang atau tumbuhan yang akan menyamaikan isyarat atau interaksi lewat *angkapiro*. Mengangkat unsur alam sebagai petanda bukanlah sesuatu yang asing. Masyarakat Jawa juga mempunyai kearifan yang sama bahawa penggunaan tanda (simbol) dalam tulisan dan petanda (mimpi, gerhana dan bulan) adalah dititikberatkan untuk mentafsir kejadian yang bakal berlaku (Yusmilayati, 2015, hlm. 282). Hal ini memberikan gambaran betapa alam sangat memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat Murut Paluan dalam membentuk kepercayaan mereka. Mereka memahami interaksi hutan agar mereka tidak terjerat dengan konflik atau krisis alam ghaib.

Kepercayaan *angkapiro* terbit daripada cerita mitos yang mengangkat burung sebagai makhluk yang mulia. Jika dilihat dalam versi cerita mitos "*Angkapiro Susuit Atulai*" (Burung Mulia Dipercayai) dapat dilihat dalam cerita di bawah. Menerusi cerita ini dapat dilihat satu jalur interaksi yang berlaku di antara manusia dan binatang.

Rondo orou ansail susuit apulak ra iku am kubab noh. Tingar kono ei Aki nantangi. "Aki nagayo pantangi ko?" Kono nu susuit itu. Tinumam ei aki. "Susuit kaw," Kono. "Elaie ngah tanom ku, ano guat sumila iyoh. Ando kanon mai ri aru. "Oh, kono poh gino aki ano asusah ko". Kono. "Pakibala aku poh ri Aki Kinapuno, atu kinulan no ra tanom muyun. "Suh, ko ra susuit apulak ra kubab, paih pombobolo ko rakon. Ando kium akasuku ra intok ri Aki Kinapuno. "Kono poh gino, aki am aru kulimanin muyun sangilan sukuan ku poyoh muoi ra gitu, mugar aku poh onsoyop ra limbowon. Kibalian ku poyoh ri Aki Kinapuno ragu muyun. Bah ano bah muoi akai ra umo mai itu, aginaa akai ak ra kualon mu susuit kaw. Noh kukuo itu. "Suh nagayo bah anie mu aku ra kukuyo?" "Salah, gino nga bubuaimu." Indos ka kukuo itu sebagai kono pengenalan rilo kono nga tanda. Bul kamu ra susuit itu nosoyob. Orou kasaa, orou karuo am orou katulu. Kuliman, kuliman ri aki am ei Aru. Bul! Ra susuit itu ra orou katulu. Tik! Tik! Tik! "Boko ruandu kaw, atu gitu tumitik itu?", "Bah ragui ngah ra gino kono guat susit apulak ra kubab ili". Oh kuon ri aki pagili aku poh nga ra sungait itu. Tumam poyoh am sumalog aku ra pagigimpalan toh ili. Asawat iku nu mondolon, alaromliga ripon bu mayan. Oko poh sunuin ku, munsop ko ra tinai nu baloi mai. Baru tinumam bagu susuit itu, Suh nagayo bah anie muaku ra kukuo itu. Baru sinumalog ei aru am ei aki. Pagimpatui anduli kukuo itu. "Suh onsoi gitu." Kono ei Aru am Ei Aki. Elaie rilo... tinumuu bagu bilor ilo ratu kono tiniasan ra.... Mundok rilo rano, kinawa am asuang nangawa. Intor ra gili, alapo bah duo nu matuo itu susuit itu sebagai ra rangan rilo. Atu pana kono losob, kono anampio, am kibalin nu susuit apulak ra kubab itu. Gino nga atulai poh susuit itu. Atu ak bilin intor nu susuit paih main-main, kapiroh am kunu

(Informan pertama, Karimon Lumaing 2019)

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Pada suatu hari seekor burung sedang melalui rumah sepasang suami isteri. Suaminya menangis dan burung itu bertanya mengapa dia menangis. Orang tua itu menjawab bahawa makanan mereka habis lalu burung itu berkata supaya mereka jangan bersedih dan dia akan bertanya kepada Aki Kinapuno akan keadaan yan mereka lalui. Lelaki tua itu pun hairan dan berkata bahawa tidak ada binatang yang boleh sampai tempat Aki Kinapuno kerana binatang tidak semulia manusia. Burung itu pun berkata supaya kedua-dua pasangan suami isteri itu menunggu burung itu datang kembali dari langit. Mereka bersetuju dan mengambil keputusan tidak akan ke kebun buat sementara waktu. Burung itu pun terbang ke langit. Burung tersebut memberi kata kunci "noh kukuo itu." Sebagai pengenalan apabila dia kembali. Pada hari ketujuh burung itu pun datang dan berbunyi tik! tik! tik! Mereka meneka bahawa burung itu telah kembali kepada mereka lalu lelaki tua itu memberi kata-kata "Asawat iku nu mondolon, alarom liga ripon nu mayan. Okop oh sunuin ku, munsop ko ra tinai nu baloi mai." [Panjang ekor ular sawah, tajam gigi buaya. Kalau kamu yang saya kejar, masuklah di perut rumah kami]. Selepas mengucapkan kata-kata tersebut. Burung itu telah menjatuhkan seekor anak ular yang berpatah balik ke belakang yang bermaksud nasib baik. Mereka melihat ke luar rumah padi, ubi dan buah-buahan mereka tumbuh dan berbuah. Mulai dair hari itu kedua-dua pasangan tua itu menjadikan burung tersebut sebaga kawan

(Temu bual: Karimon Lumaing, 2019)

Gambar 1. Informan sedang bercerita dari kiri, Sinapang Lungkung, Karimon Lumaing dan Muskin Ugau



Sumber: Kajian lapangan, 2019

Berdasarkan teks cerita mitos di atas burung dianggap sebagai binatang mulia yang membawa maklumat tentang nasib sepasang orang tua yang telah mengalami krisis makanan. Burung ini dikenali sebagai burung mulia kerana dipercayai datang dari syurga. Cerita mitos ini memberi gambaran bahawa burung dalam masyarakat Murut Paluan merupakan binatang yang istimewa. Keistimewaan ini kerana masyarakat Murut Paluan percaya burung merupakan binatang yang datang dari syurga dan mempunyai kemampuan untuk berinteraksi dengan makhluk selainnya seperti manusia. Cerita mitos *Susuit Atulai* juga mengisahkan mengenai sepasang suami isteri yang sukar menerima bahawa binatang mempunyai hubungan dengan *Aki Kinapuno* iaitu Tuhan bagi masyarakat Murut Paluan. Pasangan orang tua ini hanya mampu patuh dengan burung tersebut walaupun terdapat keraguan namun akhirnya kehidupan mereka diubah setelah burung tersebut telah mengadu kepada *Aki Kinapuno* mengenai kedua-dua orang tua di atas.

Mitos sebegini mempunyai persamaan dengan mitos cerita masyarakat Dayak yang dikatakan oleh Tjilik Riwut (1993, hlm. 263), bahawa burung mempunyai tugas untuk memberikan khabar dan alamat kepada manusia. Raja penjaga Dahing telah memerintahkan burung dari langit keenam supaya menyampaikan perkhabaran. Burung "*Antang Bahandang*" (Elang merah yang sering terbang di atas) mempunyai erti yang sangat besar bagi suku Dayak Bantuan burung Elang/ Antang boleh membantu manusia apabila manusia meminta bantuan untuk memberikan suatu petanda. Mitos masyarakat Murut Paluan juga hampir mempunyai persamaan yang sama dengan masyarakat Dayak. Versi cerita mitos ini juga disokong oleh teks bertajuk *Sinaluan* (Penjelmaan) di mana seorang manusia bernama *Alubon* yang mempunyai tetamu dalam bentuk burung datang dari langit. Apabila memijak tanah burung-burung ini akan menjadi manusia. Namun dalam cerita ini misi *Alubon* telah gagal kerana telah melanggar syarat tetamunya agar tidak terdapat anjing sepanjang upacara ritual yang dilakukannya.

Sementara itu Benedict Sandin (1990, hlm. 52-63) dalam dapatan kajiannya menjelaskan bahawa interaksi antara manusia dan burung berlaku juga dalam etnik iban di Sarawak. Kisah mengenai Sengalang Burong yang sepatutnya akan mengadakan perayaan menyambut tengkorak dalam acara yang dikenali sebagai Gawai Burung. Sera gunting mempunyai perasaan terhadap emak saudaranya dan menyebabkan emak saudaranya mengandung. Ekoran daripada peristiwa itu Sera Gunting telah dihukum mengikut hukum adat. Melihat kepada perbuatan sebegini datuk Sera Gunting telah mengajarkan Sera Gunting untuk menggunakan burung sebagai petanda agar Sera Gunting tahu akan apa yang dilakukannya dan bakal berlaku yang akan memberikan pengajaran kepadanya. Ajaran datuk Sera Gunting ini mempunyai persamaan yang sama dengan kepercayaan *angkapiu* yang dijadikan petanda dan panduan dalam kehidupan masyarakat Murut Paluan.

Interaksi cerita mitos sebegini hidup dalam kepercayaan masyarakat Murut bahawa burung merupakan binatang mulia yang dipilih untuk membawa khabar. Ciri-ciri binatang seperti burung juga diletakkan dalam

kedudukan yang paling lazim dan dianggap sebagai petunjuk alam. Isyarat alam ini sangat penting untuk mengetahui kejadian yang bakal berlaku dan penyampaian akan situasi yang sedang berlaku namun masih di luar pengetahuan manusia. Binatang seperti burung, rusa, kijang dan pokok merupakan unsur-unsur alam yang dipercayai mampu berkomunikasi dengan manusia. Murut Paluan percaya bahawa tanda-tanda yang disampaikan oleh binatang ini mampu mengubah kehidupan manusia kerana membawa kisah kegembiraan atau kesedihan. Mitos daripada watak binatang dan tumbuhan sebegini dianggap suci dan diyakini kebenarannya oleh masyarakat Murut Paluan. Sebahagian lampiran Jadual 1 di bawah merupakan beberapa contoh mitos *angkapi* haiwan dan tumbuhan yang menghantar mesej kepada pemburu dan peneroka hutan melalui bunyi dan pergerakan.

Aktiviti pemburuan merupakan dasar kepada ekonomi masyarakat Murut Paluan. Memburu binatang merupakan kemahiran yang dikuasai demi memenuhi keperluan hidup. Zaini bin Mohd Isa (1969, hlm. 116) menyatakan bahawa pekerjaan berburu merupakan pekerjaan seharian masyarakat Murut. Mereka menyalai dan membuat jeruk (pekasam) hasil buruan mereka agar tahan lama. Mitos masyarakat Murut Paluan juga menyatakan bahawa binatang mempunyai semangat yang sensitif. Binatang dalam hutan mampu mengetahui sifat-sifat tidak baik manusia. Aktiviti pemburuan hutan dipandang sebagai sebahagian tradisi yang sakral kerana melibatkan jampi dan kepercayaan. (Zaini bin Mohd Isa 1969, hlm. 11) juga mencatatkan mereka ditegah membawa sayuran hijau semasa berburu dan tidak boleh ditegur kerana membawa “sial”. pendapat ini disahkan benar oleh informan [Karimon Lumaing, 2020]. Justeru binatang di hutan mempunyai pelbagai syarat untuk didapatkan oleh manusia. Mereka juga dijaga oleh *Aru* (bermaksud “nenek” panggilan secara hormat dan umum kepada semangat alam dalam bahasa Murut) yang tinggal dalam habitat mereka agar tidak mudah pupus dan dijahui daripada keinginan jahat ataupun tamak manusia. Pengetahuan sebegini juga merupakan benteng kepada diri mereka untuk mengelakkan ancaman.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Tom Harrisson (1967, hlm. 122) menunjukkan bahawa kepercayaan *angkapi* dipanggil “*kapi*” dalam kajian beliau bahawa terdapat persamaan terminologi hampir menyamai kajian dalam makalah ini. Beliau berpendapat bahawa kepercayaan *kapi* adalah digolongkan dalam kepercayaan *animism* yang lebih kepada tahyul tetapi sangat dipercayai masyarakat Murut. *Kapi* menurut beliau juga adalah “...generally, one call (or multiples there of) is a bad omen, two (or multiples) a good...” Pendapat beliau secara kasar menunjukkan bahawa *kapi* adalah membawa maksud buruk atau baik. Terdapat persamaan dalam dapatan kutipan kajian beliau menunjukkan bahawa *angkapi* melalui bunyi binatang mampu memberikan suatu petanda tidak baik seperti kutipan data dokumentasi pada lampiran jadual 1. Binatang burung merupakan binatang yang mengeluarkan bunyi *angkapi* paling lazim dijadikan rujukan melihat alam oleh masyarakat Murut. Antara burung dalam dapatan beliau ialah *lalantil* (*lalantir* dalam kajian makalah ini) yang membawa maksud *cut, wounds or bleeding death* [potong, luka dan kematian kerana pendarahan] akibat yang akan ditanggung ketika terdengar bunyi “*til-til*”. Walau bagaimanapun, kajian Harrison ini tidak dijelaskan secara terperinci berapa kali bunyi itu perlu didengar untuk mendapatkan keputusan. Berdasarkan jadual 1 bunyi ini perlu didengar dengan cermat seperti jika berbunyi banyak kali “*tir...tir...*” akan memberikan petanda baik iaitu keluarga akan mendapat *kium* (binatang). Sebaliknya, jika burung ini berbunyi sekali “*tir*” maka akan memberikan petanda tidak baik seperti kematian. Begitu juga dengan burung *sagap* dalam kajian beliau untuk perjalanan tetapi tidak dijelaskan dengan terperinci seperti dalam makalah ini bahawa burung *sagap* mempunyai persamaan hantaran mesej yang sama dengan burung *lalantir* (*lalantil*).

Di samping itu, interaksi *angkapi* juga boleh didapati pada binatang lain. Tidak jauh dari penerbitan jurnal Tom Harrisson pada tahun 1967, seorang pengkaji tempatan iaitu Zaini bin Mohd Isa (1969, hlm. 107) telah menerbitkan bukunya dan meletakkan kepercayaan *angkapi* Murut sebagai pantang larang. Namun perbincangan mengenai *angkapi* yang diletakkan sebagai pantang larang adalah tidak menepati fungsi tersebut kerana *angkapi* bukanlah sebagai pantang larang tetapi sebagai petanda dan petunjuk dan membina pantang larang untuk menghindarinya. Namun penyerapan unsur fauna lain dalam kajian beliau adalah menjadi sokongan kepada makalah ini bahawa *angkapi* juga berlaku pada binatang lain seperti burung, ular, rusa atau kijang. Beliau menyatakan bahawa sekiranya berlaku kematian dalam perjalanan pulang dari rumah si mati dan mereka berjumpa ular, rusa atau kijang menghalang perjalanan mereka, mereka perlu berpatah

balik ke ruma si mati itu tadi dan seekor ayam akan disembelih dan darahnya dipalitkan ke badan semua orang yang ada di rumah itu. Perbuatan ini sebagai tanda menyucikan, jika tidak kemalangan akan menimpa mereka. Namun ini melihat *angkapi* ini dalam kajian beliau adalah apabila berlaku kematian.

Binatang hampir sama juga terdapat dalam masyarakat Murut Paluan. Mereka percaya apabila seseorang berada di dalam hutan atau sedang berjalan ke mana-mana jika terdapat *kukuo* (ular) sedang memotong atau melintasi jalan tersebut, maka dipercayai interaksi yang sedang disampaikan ialah mengenai sesuatu yang tidak baik dan perkara buruk akan berlaku. Sebaliknya, jika ular tersebut melintas di hadapan seseorang tapi berpatah balik ke tempat awal kemunculannya situasi tersebut memberikan interaksi yang baik dan berkemungkinan pemburu akan mendapatkan hasil buruan. Binatang yang sama berperanan memberikan petanda seperti di atas adalah *karuan* (pelanduk) binatang tersebut memberi isyarat terhadap situasi yang akan bakal berlaku. Masyarakat Murut menterjemahkan situasi tersebut kepada percakapan "*paih kaw landuk*" [jangan kamu teruskan perjalanan]. Mereka percaya percakapan tersebut merupakan percakapan daripada binatang pelanduk tadi (Informan pertama Karimon Lumaing 2016).

Versi cerita mitos Murut Paluan seterusnya boleh didapati dalam cerita mitos *Kukuo Mindagu* (Ular bercakap) menceritakan bagaimana ular hitam yang telah menghalang perjalanan dua orang adik-beradik namun tidak diendahkan dan akhirnya membawa kepada berita buruk. Salah seorang daripada mereka telah mati kerana terkena bencana alam. Dari kaca mata manusia ular seringkali ditafsirkan sebagai sesuatu yang berbahaya atau membawa kejahatan. Realitinya beginilah cara pandang masyarakat Murut Paluan dalam berdepan dengan binatang ini. Kedegilan dua orang adik-beradik dalam cerita mitos Murut Paluan merupakan plot ringkas yang meneguhkan memberikan pengajaran kepada pendengarnya supaya tidak mengambil mudah mesej *angkapi* akan kehadiran ular di depan mereka. Kedudukan ular dalam cerita mitos dan kepercayaan masyarakat bukanlah sesuatu yang asing. Ular merupakan binatang yang dijadikan sebagai subjek yang ironi dalam tradisi agama-agama besar yang menimbulkan tafsiran ketakutan yang mistik. Ross G. Murison (1905, hlm. 127) menyatakan bahawa "*It is common belief that jinn or spirits appear in animals forms, of which the serpent is more frequently chosen than any other*". Ular seringkali dikaitkan dengan makhluk kegelapan seperti jin dan syaitan yang sering mengganggu manusia. Situasi ini persis terdapat dalam peristiwa yang tercatat dalam Alkitab Kristian semasa peristiwa "Adam dan Hawa" digoda oleh iblis dalam bentuk ular yang menyebabkan mereka tersingkir dari taman Eden.

Walaupun cerita mitos mengenai ular banyak berkait dengan sisi kejahatan. Mitos binatang *angkapi* dalam masyarakat Murut tidak meletakkan ular sebagai jahat tetapi hanya sebagai simbol kepada pembawa berita jahat. Sebaliknya, ular dalam cerita mitos lampiran versi teks cerita bertajuk *Kukuo Mindagu* cuba memberi mesej baik untuk keselamatan manusia. Jika manusia berdegil seperti yang dilakukan dua orang adik-beradik dalam cerita ini maka malapetaka akan terjadi. Selain itu, versi teks cerita mitos ini meninggalkan pesan bahawa ular yang berpatah balik semasa orang tua di rumah merupakan pesan yang baik. *Susuit atulai* telah berjaya memberitahu tentang kesusahan manusia. Sejak peristiwa itu padi, buah-buahan dan ubi mereka menjadi dan membawa kepada kesentosaan dalam hidup manusia. Cerita mitos sebegini sukar dinafikan dan telah menyerap masuk dalam sistem kepercayaan masyarakat Murut Paluan.

Akibatnya, mitos *angkapi* dalam masyarakat Murut Paluan telah membentuk peraturan masyarakat. Teori ini pula sangat mendukung teori fungsi mitos oleh Malinowski iaitu mitos sebagai piagam (panduan). Pendekatan dan idea yang dikemukakan oleh Malinowski dianggap sesuatu yang penting kerana mengemukakan fungsi mitos sebagai piagam, terdapat belas kasihan, hak dan institusi (G. S. Krik 1970, hlm. 22). *Angkapi* menekankan kepada masyarakat pendukungnya supaya berhati-hati ketika berada di dalam hutan dan sentiasa mengamalkan sikap menghormati hutan. Jika dicermati mitos *angkapi* merumuskan *worldview* (pandangan hidup) masyarakat Murut Paluan sendiri iaitu perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan peraturan yang menumpukan kepada firasat. Firasat yang terbentuk daripada pengalaman pemerhatian binatang yang muncul di depan mereka. Jika binatang itu berbisa maka sesuatu yang serius perlu dipertimbangkan akan berlaku. Sehubungan itu, mitos *angkapi* dijadikan sebagai ingatan, isyarat dan pengajaran semasa masyarakat pendukungnya mengadaptasikan diri dengan alam.

Jadual 2. Mitos *Angkapio* berdasarkan flora dan fauna

Binatang	Bunyi /Pergerakan/Gejala	<i>Angkapio</i>
Titik baran (burung kecil berwarna merah)	<i>Angititik</i> <i>Tik-tik</i> (cepat) <i>Totot...tot...</i> Tik...tik...	Petanda sesuatu yang jahat akan berlaku. Petanda yang sangat bahaya (mayat) petanda ada kematian disebabkan kemalangan. Bunyi yang jarang-jarang memberikan petanda baik. Mendapat rezeki dalam perjalanan atau orang yang ditinggalkan mendapat berita baik sebelum kita tahu [Temu bual: Musikin Ugau 2019].
Burung Karos	<i>Ting, ting ting,</i> Disusuli bunyi <i>Kakak, kakak, kakak</i> Dan bunyi terakhir <i>Uuuuitt,uuuitt,uuuitt...</i>	Perkataan kakak, kakak, kakak membawa bunyi <i>angakak rangail</i> yang akan membawa petanda kematian. Jika bunyi ini lengkap berbunyi ting, kakak dan uuit dan berbunyi di hadapan langkah seorang pemburu maka ini memberi petanda pemburu itu akan mati. Walaupun pemburu tersebut berpatah balik atau keluar dari kawasan tersebut, pemburu tersebut tidak mempunyai harapan untuk hidup [Temu bual: Muskin Ugau, 2019].
Burung Kisi	<i>Sih...sih...</i>	Berbunyi sekali dan bunyi itu tidak kembali ketika menebas atau membuka kawasan kebun, membuat rumah atau bagi tujuan tertentu menandakan bahawa kawasan tersebut tidak terbakar jika dibakar hujan akan turun. Jika tujuan adalah pergi menuba dan burung ini berbunyi akan memberi petanda bahawa kumpulan penuba itu akan mendapat banyak ikan yang dan bunyi membuka sisik ikan berbunyi seperti burung tersebut <i>sih...sih...sih</i> . Sebaliknya, jika burung ini berbunyi hanya sekali dan pergi daripada orang tersebut akan maka mereka perlu berpatah balik dan meninggalkan tempat tersebut secepat mungkin kerana dikhuatiri ditimpa masalah seperti kemalangan dan sarangan haiwan [Temu bual: Karimon Lumaing, 2020].
Rusa (<i>Payau</i>) Kijang (<i>Tugau</i>) Palanduk (<i>Karuan</i>)	Tiba-tiba muncul di hadapan pemburu atau rombongan. (<i>Omompong ralan</i>) Menghalang jalan.	Pergerakan ini dipanggil omompong yang bermaksud menghalang. Perjalanan yang berniat penting seperti mencari makanan dan teman hidup. Rombongan atau pemburu yang hendak berjalan ke tujuan mereka haruslah berpatah balik dan tidak meneruskan perjalanan [Temu bual: Azman Lungkung, 2019].
Sansawali (Sejenis ular yang membawa maksud rantai)	Tiba-tiba terlihat ular ini di hadapan, kiri atau kanan perjalanan.	Maksud rantai memberi petanda bahawa perlu berpatah balik. Jalan dirantai tidak boleh dilalui. Jika perjalanan diteruskan akan membawa pemburu sesat atau hilang. Rantai juga membawa maksud kawasan tersebut dikepung, dikurung, dihalang dan dirantai. Jika pemburu atau pencari hasil hutan meneruskan perjalanan mereka akan ditangkap diujung perjalanan. Masyarakat Murut Paluan perlu bijak mengenalpasti ular yang membawa kebaikan dan keburukan dalam hidup mereka. Hal ini kerana ular membawa dan memberi dua petanda iaitu " <i>kuo noh</i> " jalan terus atau " <i>paih kuo</i> " jangan teruskan [Temu bual: Karimon Lumaing, 2019].
Pokok	Tumbang dan jatuh tiba-tiba Pokok tumbang ketika berada di dalam rumah	Jika ingin membuka sesuatu kawasan bagi tujuan membuat rumah atau pertanian. Angin tidak bertiup dan hujan tidak turun. Tiada sokongan alam lain yang boleh menyebabkan pokok tumbang. Kawasan tersebut tidak digalakkan untuk membuat rumah atau menanam tanaman. Petanda tersebut menandakan kawasan tersebut sudah diduduki oleh alam ghaib. Jika diduduki perlu dilakukan pemujaan dan meminta izik. Jika ini tidak dilakukan maka tempat tersebut tidak akan terlepas daripada bencana alam lain seperti banjir, kemarau dan makanan sukar dicari kerana manusia mencoroboh tempat tinggal semangat hutan yang menjaga kawasan tersebut.

<p><i>Angkapioh</i> (Antara mana-mana bunyi di atas berbunyi)</p>	<p>Bunyi burung, binatang dan pokok</p>	<p>Memberikan petanda tidak baik seperti terdapatnya penyakit akan datang dan tetamu yang akan mengambil isi rumah tersebut [Temu bual: Karimon Lumaing, 2019]. Jika pemburu sedang memotong hasil buruan, membuka sisik ikan, menebas dan membuat sulap (pondok) atau rumah serta Sedang melakukan sesuatu. Jika selangkah juga hendak melakukan perkara-perkara di atas. Jika <i>angkapioh</i> berbunyi ini memberikan petanda tidak baik. Bunyi tersebut (<i>sawau/paih</i>) yang bermaksud jangan. [Temu bual: Muskin Ugau, 2019].</p>
---	---	--

Sumber: Informan Kajian lapangan 2019 & 2020

Terdapat banyak contoh binatang *angkapioh* yang dipercayai mendatangkan isyarat kepada manusia. Malangnya, tidak semua ahli antropologi barat dapat mengutip data kepercayaan masyarakat Pagan (Murut) pada ketika itu. Makalah ini telah mencungkil komponen lain daripada kepercayaan mitos *angkapioh* (*omenism*) iaitu kepercayaan bahawa masyarakat Murut Paluan percaya bahawa bunyi binatang merupakan betuk teka-teki kepada manusia untuk mendapatkan maklumat atau terhidar daripada malang *angkapioh*. Misalnya, binatang yang dijoloki sebagai pandai seperti pelanduk, ular burung dan monyet selalu digambarkan binatang yang nakal dan dipercayai akan berinteraksi dengan manusia dengan berteka-teki. Jika seorang pemburu ke hutan berjaya menjawab teka-teki binatang tersebut terutama dalam bentuk bunyi maka mereka akan terlepas daripada sesat dalam hutan. Namun jika mereka tidak dapat menjawab bunyi tersebut mereka akan terperangkap dalam hutan tersebut. Seorang pemburu yang hebat dan baik akan mampu mentafsir bunyi di sekelilingnya dan membuat teka-teki sendiri dan menjawabnya. Mereka percaya bahawa teka-teki tersebut hanya dalam bentuk bunyi. Seorang pemburu yang hebat akan berkata-kata dan menyindir bunyi binatang yang dikatakan seolah-olah bercakap dengan mereka seperti berikut:

Burung (Susuit): Tuk! Tuk! Atindukmu kanon ku, salah ki oko kanawai tinumanduk ra raan nu kolobon. Haahh... [Tuk! Tuk! Kau tepatuk makanan saya, bukan kau burung yang hinggap di dahan kolobon (sejenis pokok)]

(Temu bual: Karimon Lumaing, 2019)

Berdasarkan teka-teki bunyi di atas dapat dikenal pasti bahaya bunyi diatas ialah bunyi burung. Mengikut kepercayaan Murut Paluan terdapat juga bunyi seolah-olah burung tetapi sebenarnya binatang lain. Jika tersalah teka ini akan menyebabkan petanda yang tidak baik, sebaliknya mereka perlu mentafsir dengan teliti dan hati-hati agar terlepas daripada mala petaka. Sehubungan itu, untuk memastikan jawapan kita adalah benar, kita perlu menunggu bintang tersebut menampakkan diri. Jika burung, ular atau binatang yang diteka itu lalu dan sesuai dengan tekaan kita maka kita boleh meneruskan perjalanan, jika tidak kita perlu berhenti dan menunggu lebih lama lagi untuk menunggu binatang seterusnya minta diteka bunyinya.

Oleh yang demikian, mitos *angkapioh* juga dikatakan akan hadir apabila seorang pemburu tidak mengamalkan pelakuan sepatutnya ketika berada di dalam hutan. Justeru itu, mitos *angkapioh* tidak boleh dipisahkan berasingan dengan pantang larang ketika seorang sedang berurusan dengan hutan. Mereka perlu selalu mempunyai perasaan hormat mengenai alam. Kepentingan pantang larang semasa memburu adalah untuk menghindari bunyi *angkapioh*. Jika *angkapioh* berbunyi seseorang pemburu akan menunjukkan kekesalan hatinya dengan menyahut "*buya*". Perkataan ini diucapkan semasa mendapat khabar yang tidak baik, kemarahan, kesediaan dan kekecewaan. Salah satu pantang larang yang perlu dipatuhi oleh seorang pemburu ialah:

*Apabila berada di dalam hutan tidak boleh bercakap banyak untuk mengelakkan sial atau masalah. Manusia harus mengawal pertuturannya dikhuatiri akan menyinggung penjaga hutan. Jika penjaga hutan tersinggung binatang *angkapioh* akan berbunyi*

(Temu bual: Muskin Ugau, 2019)

Terdapat beberapa klasifikasi yang digunakan untuk membaca perlakuan binatang semasa berada di dalam hutan. Manusia juga disarankan untuk menjaga tatatertib di dalam hutan dengan tidak bercakap

sembarangan kerana dipercayai bahawa binatang mampu mengerti apa yang dikatakan oleh manusia. Dalam banyak tradisi dan mitos, mitos *angkapi* merupakan interaksi yang diterima secara langsung daripada pengetahuan bunyi dan kelibat binatang. Rasa hormat tersebut dipancarkan melalui perkongsian akan binatang atau ikan yang telah diburu atau ditangkap. Jika pemburu mendapat binatang, pemburu harus memotong sedikit daging tersebut dan menyerahkan kepada penghuni hutan dan berkata “*Noh, Aru paih akai lunsayo oko ra noro, aku ra gitu*”. [Nah, nenek jangan kau hancurkan kami. Kami punya ini dan kau punya itu]. Jika tidak penunggu akan ikut dan memakan sama-sama pemburu. Jika tidak puas penunggu atau semangat hutan akan memakan pemburu itu sekali dan menyebabkan kematian [Temu bual: Karimon Lumaing, 2019]. Oleh itu interaksi ini jelas memberikan satu panduan yang autentik kepada kehidupan manusia dan merupakan kebijaksanaan silam yang perlu dipelihara.

Kesimpulan

Masyarakat Murut Paluan sangat berpegang kuat kepada kepercayaan yang melibatkan alam. Tidak hairanlah jika sehingga ke hari ini interaksi dengan alam masih dijadikan petanda dan rujukan sebagai persediaan mereka menghadapi kejadian masa depan. Interaksi ini merujuk kepada binatang yang dianggap bijak seperti burung, ular, pelanduk dan rusa. Sistem interaksi ini hanya berlaku di hutan kerana sesuai dengan habitat binatang tersebut. Persekitaran kehidupan masyarakat Murut Paluan yang terdedah dengan hutan menyebabkan mereka masih utuh berpegang dengan kepercayaan ini. Cerita mitos menjadi pengukuh kepada interaksi ini kerana mengandungi peraturan dan adat yang mengawal norma kehidupan mereka. Dengan kata lain, mitos *angkapi* merupakan sistem interaksi yang mampu memberikan mereka petanda, petunjuk dan panduan ketika berada di dalam hutan. Interaksi ini juga telah memelihara hubungan manusia antara alam sebagai adab ketika berada di dalam hutan. Impaknya, nilai hormat jugalah yang akan melindungi hutan daripada sikap rakus dan tidak bertanggungjawab manusia. Tinggalan cerita mitos akhirnya menjadi sumber penting untuk mengetengahkan kearifan lokal masyarakat peribumi Sabah khususnya etnik Murut Paluan dalam konteks keilmuan ‘orang asal’ perlu di angkat untuk tatapan khalayak mengenai hubungan interaksi manusia dengan alam sekitar.

Penghargaan: Kajian ini mendapat sokongan daripada Mahkamah Anak Negeri Daerah Nabawan Pensiangan dalam kajian subetnik Murut Paluan.

Persetujuan Termaklum: Kajian ini telah mendapat persetujuan dan kebenaran informan yang terlibat dalam kajian ini sebelum, semasa dan selepas melakukan kutipan data di kawasan lapangan yang terlibat. Kajian ini juga mendapat pengesahan daripada Mahkamah Anak Negeri Daerah Nabawan Pensiangan, Sabah agar tidak menyimpang daripada adat dan pantang larang tempatan. Selain itu pengesahan ini adalah penting bagi mengakui informan yang dipilih ialah dalam kalangan informan yang berautoriti dan pakar dalam kearifan tempatan.

Konflik Kepentingan: Penulis-penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Halim Bandan. (1990). *Cerita tradisi Sabah: suku kaum orang Sungai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arena Wati. (1978). *Peribumi Sabah: satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Yayasan Sabah.
- Anwar Ridwan. 2021. Shanon Ahmad: Dari Naratif Daerah ke Wadah dan Wajah Kebijaksanaan. *PENDETA Journal of Malay Language Education and Literature* 12, 1.
- Azharudin Mohamed Dali. (2018). *Ular dalam mitos dan Sejarah*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Ben-Amos, Dan. (1971). Toward a definition of folklor in context. *Journal of American Folklore* 84, 131.
- Benedict Sandin. (1990). *Sengalang burong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Brewis, Richard. (1985). *Cerita dongeng Sabah*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- Brooks, M. Margaret. (1961). *Cherita-cherita dongeng dari Sabah*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Chong, Benedict S. (1991). *Tales of Borneo*. Second Edition. Tanjung Malim: Pustaka San Ming.
- Crain, J. B. (1972). A Murut depopulation and the Sipitang Lun Dayeh. *Journal of the Malay Branch Royal Asiatic Society* 45(2), 76 & 110-119.
- Evans, I. H. N. (1923). *Studies in Religion, Folkore and Custom in British North Borneo and Malay Peninsula*. London: Cambridge University Press.
- Fazida Hj. Othman. (2007). Elemen-elemen alam sekitar dalam karya-karya terpilih Shanon Ahmad. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam Selangor* 10, 90-102.
- Gidah, Mary Ellen. (2001). *Archetypes in the cosmogonic myths of the Australian aboriginal people and the Kadazandusun of Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Harrison, Barbara & Micheal Chong. (1965). Stones form Kinabatangan Caves Sabah. *Sarawak Museum Journal* 12, 25-26.
- Harrison, T. (1967). Ethnological notes on the Muruts of the Sepulut rivers, Sabah. *Journal Malay Branch of the Royal Asiatic Society* 40, 121-122.
- Harrisson, Tom & Barbara Harrisson. (1970). The prehistory of Sabah. *The Sabah Society Journal* 4, 272.
- Hurlbut, Hope. (1992). *Tongo tango Kadazan Labuk-Kinabatangan: cerita dongeng Kadazan Labuk*. Kota Kinabalu: Department of Sabah Museum.
- King, John Wayne & King, Julie. (1990). *Sungai/Tombonuwo Folk Tales*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Lasimbang, Rita. (1990). *Pulau Tikus & i lugodiangon om i kookudu*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Lasimbang, Rita. (1999). *Kadazan Folklore*. Kota kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- LeBar, F. M. (1972). *Ethnic groups of insular Southeast Asia*. London: Human Relations Area Files Press.
- Leon, Comber. (1975). *Favourite stories from Borneo*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) LTD.
- Low Kok On. (2005). *Membaca mitos dan legenda Kadazan Dusun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malinowski Bronislaw. (1971). *Myth primitive psychology*. New York: Negro Universities Press.
- Marsh, Ignatia Olim. (1981). *Tales and tradition from Sabah*. Edisi semak. Kota Kinabalu: The Sabah Society.
- Mawar Safei & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Daun sebagai wahana interaksi dalam kesusasteraan Melayu. *Jurnal interaksi: Malaysian Journal of Communction*, 36 (3), 157-175.
- Mohd. Nor Long. (1978). *Cerita rakyat Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moody, Davic C. (1993). *Cerita dongeng Ida'an*. Edisi Pertama. Kota Kinabalu: Musium Sabah.
- Muhammad Ahmad Fadzil & Julianah Nopiah (2021). Estetika Rasa dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Language* 4 (2), 119.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2005). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah interaksi massa: Suatu Analisis. *Jurnal interaksi: Malaysian Journal of Communction*, 31(2), 183-194.
- Murison, Ross G. Murison. (1905). The serpent in the Old Testament. *The American Journal of Semitic Languages and Literatures* 21 (2), 115-130.
- Nygren, Mariann. (1991). *Tagal Murut folk tales*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Ongkili, James. (1972). *Modernization in East Malaysia 1960-1970*. Clifornia: Oxford University Press.
- Rutter, Owen. (1985). *The Pagan of North Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Roth, Henry Ling. (1968). *The natives of Sarawak and British North Borneo*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Tjilik Riwut. (1993). *Kalimantan membangun alam dan kebudayaan*. Yokyakarta: PT Tiara Wacana Yogya.
- Tylor, E. B. (1871). *Primitive culture: research into the development of mythology, philosophy, religion, language, art and custom*. London: J. Murray.
- Williams, T. R. (1965). *The Dusun: A North Borneo society*. London: Holt, Rinehart & Winston.
- Woolley, G. C. (1928). Murut Folktales. *Folklore* 39(3), 253-271.

Zaini bin Mohd Isa. (1969). *Kebudayaan dan Adat Resam Kadazandusun dan Murut*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusmilayati Yunos. (2015). Petua dan tanda sebagai alat interaksi dalam budaya masyarakat Jawa. *Jurnal interaksi: Malaysian Journal of Communication*, 3(2), 279-298.